

# BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 01:  
JANUARI & FEBRUARI 2021



## BENKEL PENYELARASAN HALA TUJU SUKAN DAN PENGANJURAN KEJOHANAN SUKAN UTAMA KPT 2021

06 HINGGA 09 JANUARI 2021

Bengkel anjuran Bahagian Sukan KPT ini membincangkan penyelarasan hala tuju sukan dan perancangan penganjuran kejohanan sukan utama KPT bagi tahun 2021. Bengkel telah dihadiri oleh Pengarah Pusat Sukan Universiti, En. Azli bin Puddin selaku wakil PST Silat. Bengkel telah diadakan di Aloft Hotel, pulau Langkawi, Kedah.

## PENAWARAN JURULATIH SAMBILAN SUKAN UTHM 2021

17 FEBRUARI HINGGA 04 MAC 2021

Pusat Sukan Universiti telah membuka penawaran bagi jawatan Jurulatih Sambilan Sukan UTHM bagi tahun 2021.



## WEBINAR SUKAN UTHM SIRI 1/2021: BERSAMA TOKOH SUKAN NEGARA SHALIN ZULKIFLI RATU BOLING NEGARA

24 FEBRUARI 2021

Webinar Sukan UTHM Siri 1/2021 telah membuka tirai bersama Ratu Boling Negara dan merupakan bekas pemain nombor satu Asia. Shalin merupakan pemegang ijazah dalam Sains Sukan yang mengkhusus dalam psikologi dan Latihan Sukan. Platform ini diadakan bagi berkongsi rahsia kejayaan yang boleh dijadikan sebagai panduan dan motivasi kepada pelajar-pelajar UTHM.

## PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM 2021

23 FEBRUARI 2021

Perhimpunan Kecergasan UTHM Bil. 1, 2021 telah diadakan menggunakan platform googlemeet. Program ini merupakan program bulanan anjuran Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Pejabat Pendaftar.



## PROGRAM ZIARAH AKHIR TNC (HEPA)

28 FEBRUARI 2021


Program Ziarah Akhir YBrS Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah diadakan pada 28hb Febuari 2021 di Checkpoint 7@PKU yang melibatkan Kumpulan PSU, PKU dan TDHEPA.

Ucapan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada YBrS. Prof. Madya Dr. Afandi bin Ahmad di atas segala jasa bakti yang telah diberikan terhadap pembangunan sukan di UTHM serta segala tunjuk ajar, panduan dan bimbingan kepada kami warga kerja PSU.

## CRITICISM OF UTHM ~ LAWN BOWLS

30 JANUARI 2021

Pasukan Lawn Bowls UTHM telah menganjurkan Program "Criticism UTHM Lawn Bowls" yang melibatkan atlet Lawn Bowls yang masih aktif serta alumni. Program ini diadakan bagi tujuan mengeratkan hubungan atlet dalam pasukan. Sesi selama hampir 2 jam ini telah menampilkan panel jemputan iaitu En. Ahmad Zulfadli bin Jusoh yang merupakan Alumni Lawn Bowls UTHM "1st Batch". Pelbagai perkongsian telah diberikan kepada pasukan di samping motivasi dan panduan untuk terus kekal berjaya dalam bidang sukan dan akademik.



*If you cannot do great things, do small things in a great way - Napoleon Hill*